

Dapatan Kajian Fasa 3: Fasa Penilaian Lapangan

Bahagian ini akan memaparkan penilaian pelajar dan guru terhadap kekuatan dan kelemahan modul yang disemak semula dalam fasa penilaian satu dengan satu dan kumpulan kecil. Tujuan fasa kajian ini dijalankan ialah menjawab soalan kajian 6, iaitu ***“Apakah pandangan pelajar dan guru terhadap kebolehgunaan modul pengajaran Bahasa Melayu secara bersepadu pada peringkat penilaian lapangan?”***.

Secara terperinci, penilaian lapangan dijalankan bagi (1) mengesahkan pembaikan atau semakan modul yang dilakukan dalam fasa penilaian satu dengan satu dan kumpulan kecil, (2) menjana cadangan semakan atau pembaikan akhir, dan (3) menyiasat kebolehgunaan setiap modul. Kesimpulannya, penilaian lapangan ini dijalankan bagi menilai prototaip 3 atau draf akhir modul pengajaran Bahasa Melayu yang dibangunkan ini dari aspek (1) kerelevanan isi kandungan, (2) kebolehlaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran, (3) kebolehcapaian objektif pelajaran, dan (4) pandangan pelajar dan guru terhadap proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu selepas menggunakan modul.

Bagi mendapatkan data kajian ini, tiga buah kelas dipilih untuk menjalankan modul ini. Setiap kelas mewakili sebuah sekolah. Kelas 1 daripada Sekolah A mengikuti Modul 1, 2, dan 3 (tema utama: Masalah Sosial). Kelas 2 daripada Sekolah B pula mengikuti Modul 4, 5, dan 6 yang tema utamanya ialah ‘Budaya’, manakala Kelas 3 daripada sekolah C mengikuti Modul 7, 8, dan 9. Tema utama modul-modul ini ialah ‘Alam sekitar’. Pemilihan satu kelas dari setiap sekolah dilakukan kerana pihak sekolah tidak membenarkan penglibatan yang terlalu banyak dari satu-satu kelas bagi setiap sekolah. Pihak pengetua hanya membenarkan 3 modul sahaja dijalankan bagi setiap

kelas. Oleh sebab itu, penyelidik mengambil keputusan untuk menjalankan 3 modul sahaja bagi setiap sekolah.

Pemilihan kelas ini dilakukan atas beberapa kriteria, iaitu berprestasi sederhana, mempunyai pelajar yang berbilang kaum, dan dapat memberi maklum balas yang baik semasa kajian analisis keperluan sebelum ini. Kelas ini juga dipilih kerana guru Bahasa Melayu yang mengajar di kelas-kelas ini memberi kesanggupan untuk menjalankan modul pengajaran Bahasa Melayu ini. Tambahan pula mereka merupakan guru yang berpengalaman dan mudah dihubungi dan dapat memberi maklumat yang dikehendaki.

Kerelevanan Isi Pelajaran

Bahagian ini menjawab soalan tentang sejauh mana isi pelajaran yang disampaikan dalam modul ini relevan dengan konteks semasa dan sesuai dengan tema yang ditetapkan. Merujuk Modul 1 misalnya, temu bual dengan pelajar mendapati bahan pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan dalam modul pelajaran ini, iaitu lagu ‘Suara tanpa Nama’ dan ‘Statistik kes pembuangan bayi berdasarkan tahun 2005-2010’ sangat menarik dan masih relevan hingga ke hari ini (TBPA1_KL_M1_20/7/2011). Mereka juga turut menyatakan bahawa modul ini dapat meningkatkan kemahiran berbahasa pelajar. Ros Amira misalnya, menyatakan bahawa aktiviti yang dijalankan oleh guru:

“Dapat tingkatkan tatabahasa kami. Kami diajar tulis ayat permintaan tentang isu sosial”.

(TBPA2_KL_M1_20/7/2011)

Modul ini juga dapat meningkatkan minat pelajar alam sekitar, selain meningkatkan kemahiran berbahasa dalam kalangan pelajar. Merujuk Modul 7 misalnya, pelajar menyatakan bahawa selain menjalankan aktiviti forum, mereka juga

dapat mengetahui hal tentang alam sekitar melalui teknik ‘suara alam’ yang digunakan oleh guru. Menurut mereka, aktiviti yang dijalankan ini:

“Sangat seronok. Bunyi yang digunakan cikgu dapat tunjukkan pentingnya alam sekitar (ke)pada kita”.

(TBPA2_KL_M1_20/7/2011)

Kesimpulannya, bahan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan dalam modul-modul ini selaras dengan situasi semasa dan boleh digunakan oleh pelajar.

Kebolehlaksanaan Proses Pengajaran dan Pembelajaran

Bahagian ini menjawab soalan tentang sejauh mana pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam modul ini sesuai dengan masa yang ditetapkan, kesesuaian BBM dari aspek pengisian maklumat dan kualiti, dan kebolehlaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Catatan lapangan penilaian lapangan menunjukkan bahawa modul ini boleh dilaksanakan dalam waktu yang ditetapkan. Dalam Modul 1 (Langkah 2) misalnya, pelajar dapat melaksanakan aktiviti melengkapkan rajah dengan punca-punca remaja terjebak dalam masalah sosial berdasarkan teks yang dibaca. Dapatan catatan lapangan menunjukkan bahawa pelajar dapat melakukan aktiviti ini dalam waktu 25 minit, sebagaimana yang dirancang. Yang berikut adalah antara jawapan pelajar dalam lembaran kerja yang disediakan ialah:

MASALAH SOSIAL DALAM KALANGAN REMAJA:
APAKAH PUNCA-PUNCANYA?

INDIVIDU

- *Sukar mengendalikan emosi semasa berhadapan dengan masalah hidup*
- *Tidak tahu mengendalikan emosi*

KELUARGA

- *Sibuk bekerja mencari rezeki*
- *Tidak menumpukan perhatian kepada anak-anak*
- *Anak-anak ditinggalkan di rumah tanpa pengawasan*

MASYARAKAT

- *Kurang peka dan mengabaikan nilai hidup berjiran dan bermasyarakat*
- *Struktur pembinaan rumah memberi kesan yang buruk*


RAKAN-RAKAN

- *Pujukan rakan-rakan yang mengajak melakukan gejala negatif*
- *Tidak mampu menepis dan menolak ajakan rakan*

(DP_Kartiyaeni_KL_M4)

Dapatan penilaian lapangan juga menunjukkan bahawa pelajar dapat menyatakan perasaan mereka dalam bentuk ayat silaan dengan tepat berdasarkan isu yang dibincangkan, iaitu masalah sosial. Antara jawapan pelajar ialah:

PERANAN MASYARAKAT DALAM MENGATASI



(DP_Mohamad Adly_KL_M4)

Data temu bual guru turut membuktikan bahawa modul ini boleh dilaksanakan. Menurut cikgu Norehan, Modul 1 ini memang boleh dilaksanakan kerana bahan bantu mengajar (BBM) yang digunakan boleh difahami dan digunakan dengan berkesan oleh pelajar (TBG1_KL_M1_20/7/2011). Beliau juga menyatakan bahawa BBM yang digunakan jelas dan boleh membantu proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Keseluruhannya, beliau menyatakan modul ini boleh dilaksanakan khususnya bagi pelajar yang sederhana dan lemah.

Modul 4 juga boleh dilaksanakan dengan baik. Setelah beberapa perubahan dilakukan hasil daripada pemerhatian penyelidik, komen guru dan pelajar dalam kajian rintis, pelaksanaan Modul 4 menjadi lebih menarik dan tersusun. Dapatkan kajian

mendapati pelajar dapat menjalankan semua aktiviti yang ditetapkan. Dalam Langkah 1 misalnya, secara berkumpulan, pelajar dapat mengesan dan membetulkan setiap kesalahan kata sapaan yang terdapat dalam lembaran kerja yang disediakan. Antara hasil tugas pelajar ialah:

Dialog 1	
Sebelum	Selepas
<i>Murid: Cikgu, Selamat pagi!</i>	<i>Murid: Cikgu, Selamat pagi!</i>
<i>Guru: Selamat pagi.</i>	<i>Guru: Selamat pagi.</i>
<i>Murid: Cikgu, <u>awak</u> apa khabar? Sihatke?</i>	<i>Murid: Cikgu, <u>cikgu</u> apa khabar? Sihatke?</i>
<i>Guru: Saya sihat sahaja. Tak ada kelaske sekarang?</i>	<i>Guru: Saya sihat sahaja. Tak ada kelaske sekarang?</i>
<i>Murid: Tak ada cikgu. Kami pergi perpustakaan tadi. Cikgu Bahasa Melayu cuti cikgu. Cikgu, <u>awak</u> masuk kelas kamilah.</i>	<i>Murid: Tak ada cikgu. Kami pergi perpustakaan tadi. Cikgu Bahasa Melayu cuti cikgu. Cikgu, <u>cikgu</u> masuk kelas kamilah.</i>
<i>Guru: Sekarang tak boleh. Saya ada kelas lain pulak.</i>	<i>Guru: Sekarang tak boleh. Saya ada kelas lain pulak.</i>
<i>Murid: Baiklah cikgu. Saya masuk kelas dulu.</i>	<i>Murid: Baiklah cikgu. Saya masuk kelas dulu.</i>
<i>Guru: Ok.</i>	<i>Guru: Ok.</i>

(DP_Harmet Kaur_KL_M4)

Pelajar juga dapat membina dialog dengan menggunakan kata sapaan yang tepat. Antara dialog yang dihasilkan pelajar berdasarkan arahan yang diberi dalam kad tugas ialah:

Tugasan 1	Hasil dialog yang dibina pelajar
<ul style="list-style-type: none"> • Buat satu set dialog antara anda selaku ketua pelajar dengan pihak kantin sekolah berhubung isu kebersihan kantin sekolah. • Nyatakan pandangan anda tentang kebersihan kantin dan kemukakan beberapa cadangan bagi meningkatkan kebersihan kantin sekolah tersebut. • Gunakan kata sapaan yang betul dan tepat. • Gariskan kata sapaan tersebut. • Lakukan aktiviti ini secara berkumpulan. • Lakonkan perbualan di atas di hadapan kelas. 	<p><i>Pelajar (P): Selamat pagi encik.</i></p> <p><i>Pengusah a kantin (PK): Selamat pagi adik.</i></p> <p><i>P: Encik, bolehkah saya kemukakan beberapa cadangan untuk meningkatkan kebersihan kantin sekolah?</i></p> <p><i>PK: Boleh, apa salahnya.</i></p> <p><i>P: Saya berpendapat, encik harus menambahkan bilangan tong sampah di sekitar kantin. Selain itu, pihak kantin juga haruslah menegur pelajar yang membuang sampah. Lebih-lebih lagi, pekerja kantin bolehlah memakai apron supaya kelihatan lebih kemas dan bersih.</i></p> <p><i>PK: Ini merupakan satu cadangan yang baik. Baiklah saya akan berbincang tentang hal ini bersama pengetua secepat mungkin.</i></p> <p><i>P: Terima kasih encik kerana sudi mendengar pendapat kami.</i></p> <p><i>PK: Sama-sama.</i></p>

DP_Kumpulan 1_KL_M4

Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan semua aktiviti yang dijalankan dalam Modul 4 ini boleh dilaksanakan. Menurut Cikgu Syarifah, aktiviti yang dilaksanakan dalam modul ini dapat dilaksanakan dengan baik oleh pelajar. Beliau juga menyatakan bahawa teks yang digunakan dalam Langkah 1 ini sangat menarik. Katanya:

*“budak suka sangat dengan tugas 3 tu. Kata sapaan yang digunakan lucu sangat. Kata sapaan **Ai** dan **yuol** buat pelajar enjoy”.*

(TBG2_KL_M4_27/7/2011)

Dapatan kajian juga mendapati pelajar boleh melaksanakan aktiviti yang dirancang dalam Modul 5, walaupun dapatan kajian rintis mendapati aktiviti dalam modul ini sukar dilaksanakan, khususnya bagi aktiviti menulis karangan pendek tentang peribahasa “Bagai enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing”. Antara karangan peribahasa yang dihasilkan oleh pelajar ialah:


Bagai enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing merupakan peribahasa yang berkaitan dengan masyarakat pada zaman ini yang kian melupakan sikap tanggung jawab kepada sesama manusia. Peribahasa di atas bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat supaya tidak melupakan orang yang berada dalam kesusahan. Dalam peribahasa ini juga kita dapat kaitkan dengan kehidupan pada masa kini. Misalnya, ibu mengandung dan warga emas sering tidak diberikan tempat duduk kerana sikap mementingkan diri dalam kalangan masyarakat.







(DP_Siti Zulaikha_KL_M5_28/7/2011)


Modul 6 juga dapat dilaksanakan dengan baik oleh pelajar. Dalam Langkah 1 misalnya, pelajar dapat menyatakan nilai baik yang terdapat dalam video “Seniman Bujang Lapok” yang ditayangkan guru. Antara nilai yang dihasilkan pelajar ialah:

*Hormati orang lain
Gunakan bahasa yang betul ketika menyapa orang*

Selain itu, catatan pemerhatian menunjukkan bahawa pelajar juga dapat melakonkan babak-bakak yang ditugas secara berkumpulan dengan menggunakan kata sapaan yang tepat. Dalam Langkah 3 pula, pelajar dapat menyatakan kesalahan yang ditunjukkan dalam gambar (*power point*) serta dapat menyatakan slogan yang sesuai bagi membetulkan kesalahan tersebut. Jadual di bawah menunjukkan antara kenyataan tentang kesalahan yang dilakukan oleh masyarakat dan slogan yang sesuai bagi mengatasi masalah tersebut. Contoh jawapan pelajar ialah:

Gambar 1	Kesalahan	Slogan
	Contoh: Berebut-rebut ketika menaiki kenderaan awam.	Contoh: Berbarislah ketika menaiki kenderaan.

Gambar 2	Kesalahan	Slogan
	<p>Tidak menghormati orang tua</p>	<p>Hormatilah orang tua</p>
Gambar 3	Kesalahan	Slogan
	<p>Tidak mengamalkan budi bahasa terhadap orang lain.</p>	<p>Bersopan santun ketika bercakap dengan tetamu</p>
Gambar 4	Kesalahan	Slogan
	<p>Tidak bertimbang rasa terhadap perempuan hamil.</p>	<p>Bertimbang rasalah terhadap perempuan hamil</p>
Gambar 5	Kesalahan	Slogan
	<p>Melanggar peraturan jalan raya dan membahayakan diri.</p>	
Gambar 6	Kesalahan	Slogan
	<p>Membuat kesalahan semasa memandu.</p>	<p>Dilarang menggunakan telefon bimbit ketika memandu</p>

Gambar 7	Kesalahan	Slogan
	Memotong barisan dengan mengikut jalan kiri.	Jangan memotong barisan di laluan yang salah

(DP_Nor Hasanah_KL_M6)

Kajian juga mendapati penggunaan teknik ‘suara alam’ yang jarang dijalankan oleh guru dapat dilaksanakan dengan baik. Dalam Modul 7 misalnya, pelajar dapat (1) mengenal pasti bunyi yang didengar, (2) menyatakan perasaan terhadap bunyi yang didengar dan (3) menyatakan kesan bunyi tersebut terhadap alam sekitar. Antara jawapan pelajar yang terdapat dalam lembaran kerja ialah:

Analisis Bunyi:

Bahagian A

Arahan:

- Dengar bunyi ini dengan teliti.
- Jawab soalan yang dikemukakan secara berpasangan bagi setiap bunyi yang diperdengarkan.

Bunyi 1	1. Apakah bunyi yang anda dengar ini? 2. Apakah perasaan anda apabila mendengarnya? 3. Apakah kesan bunyi ini kepada alam sekitar?	1. bunyi hon kereta 2. terganggu/tidak tenteram 3. pencemaran bunyi/udara
Bunyi 2	1. Apakah bunyi yang anda dengar ini? 2. Apakah perasaan anda apabila mendengarnya? 3. Apakah kesan bunyi ini kepada alam sekitar?	1. kereta api 2. perasaan terganggu 3. pencemaran bunyi
Bunyi 3	1. Apakah bunyi yang anda dengar ini? 2. Apakah perasaan anda apabila mendengarnya? 3. Apakah kesan bunyi ini kepada alam sekitar?	1. bunyi LRT 2. rimas 3. pencemaran udara

Bahagian B:

Arahan:

- Lihat video ini dengan teliti
- Jawab soalan yang dikemukakan secara berpasangan bagi setiap visual yang dipertontonkan.

Visual 1	1. Apakah bahan yang anda lihat ini? 2. Apakah perasaan anda apabila melihatnya? 3. Apakah akan terjadi jika anugerah alam ini tercemar?	1. <i>kicauan burung</i> 2. <i>damai</i> 3. <i>generasi akan datang tidak dapat menikmati keindahan alam</i>
Visual 2	1. Apakah bahan yang anda lihat ini? 2. Apakah perasaan anda apabila melihatnya? 3. Apakah akan terjadi jika anugerah alam ini tercemar?	1. <i>bunyi cengkerek pada waktu malam</i> 2. <i>tenang</i> 3. <i>tidak dapat merasai bunyi ini lagi</i>
Visual 3	1. Apakah bahan yang anda lihat ini? 2. Apakah perasaan anda apabila melihatnya? 3. Apakah akan terjadi jika anugerah alam ini tercemar?	1. <i>ombak di pantai</i> 2. <i>menenangkan</i> 3. <i>kita tidak dapat menikmati kedamaiannya</i>

(DP_Hizani Izzati_KL_M7)

Merujuk Modul 7 ini juga, pelajar dapat menjalankan aktiviti forum dengan baik tentang “Pemanasan Global: Apakah Peranan Kita?” dengan bantuan lembaran kerja yang disediakan guru. Dapatan temu bual pelajar menunjukkan bahawa aktiviti kumpulan dan lembaran kerja yang disediakan guru membantu aktiviti forum ini.

Antara komen mereka ialah:

Penyelidik: Apa pandangan pelajar aktiviti forum hari itu?
Wong Yun Xuan: Seronok.
Penyelidik: Mengapa seronok?
Wong Yun Xuan: Sebab cikgu ajar lain. Dia suruh bincang dulu lepas tu isi dalam lembaran kerja.
Penyelidik: Lembaran kerja tu tolong cari isilah?
Muhammad Shafiq: Ya, dia pandu kami.
Penyelidik: Selalunya macam mana?
Muhammad Shafiq: Jarang buat forum...

(TBKP3_KL_M7_16/8/2011)

Kebolehcapaian Objektif Pelajaran

Bahagian ini akan menjawab soalan sejauh mana aktiviti, penilaian yang dijalankan, dan bahan yang digunakan berkesan dan mencukupi serta dapat membantu mencapai objektif pelajaran. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa modul yang dibangunkan ini mempunyai kekuatan daripada aspek kebolehpercayaan objektif pelajaran. Catatan lapangan pemerhatian mendapati semua objektif pelajaran bagi setiap modul boleh dicapai, kecuali Objektif Pelajaran 2 dalam Modul 3. Objektif Pelajaran 2 ini, iaitu ‘menulis sajak pendek tentang kemiskinan dengan menggunakan frasa-frasa yang indah dan tepat’ sukar dilaksanakan oleh pelajar. Kata mereka;

“Susah (hendak) nak tulis sajak. Cikgu jarang ajar tulis sajak”.

(TBPA3_KL_M1_20/7/2011)

Hal ini diakui oleh Cikgu Norehan. Beliau menyatakan bahawa beliau memang tidak pernah mengajar sajak. Katanya:

“selalunya saya ajar sajak untuk KOMSAS saja. Susah nak minta pelajar buat sajak”.

(TBG1_KL_M3_20/7/2011)

Pandangan Pelajar dan Guru Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Pendekatan Bersepadu

Bagi mendapatkan data tentang pandangan pelajar dan guru terhadap pelaksanaan modul pengajaran Bahasa Melayu fasa akhir atau Fasa Lapangan ini, temu bual separa struktur dijalankan terhadap tiga guru dan kumpulan pelajar. Temu bual dijalankan selepas mereka mengikuti modul ini. Temu bual dijalankan bagi mendapatkan maklumat tentang pandangan mereka terhadap strategi pengajaran, kaedah pengajaran kemahiran bahasa, kaedah pengajaran tatabahasa, penggunaan bahan

pengajaran dan pembelajaran, dan teknik penilaian yang dijalankan dalam modul ini semasa penilaian lapangan dilakukan.

Strategi pengajaran.

Dapatan kajian mendapati strategi pengajaran ringkasan karangan dalam Modul 2 dapat membantu pelajar membuat ringkasan terhadap teks yang dibaca. Pelajar menyatakan bahawa penggunaan jadual dapat membantu mereka mengenal pasti isi petikan tersebut dengan cepat dan tepat. Menurut mereka, strategi ini jarang dilakukan oleh guru mereka apabila pelajaran ringkasan karangan dijalankan. Yang berikut ialah komen pelajar terhadap strategi yang dijalankan guru.

- Penyelidik: Apa pandangan pelajar tentang pengajaran ringkasan karangan dalam Modul 2 tadi?*
Pelajar M: Faham. Senang sikit...
Penyelidik: Mengapa senang faham?
Pelajar M: Sebab cikgu guna jadual. Dari(pada) jadual baru buat ringkasan.
Penyelidik: Selalunya macam mana cikgu ajar rumusan?
Pelajar N: Baca dan cari isi pentinglah.
Penyelidik: Jarang macam ini?
Pelajar O: Jarang...

(TBKP1_KL_M2_/7/2011)

Pelajar juga menyatakan bahawa strategi pengajaran yang digunakan oleh guru dalam modul ini lebih menarik kerana cara cikgu mengajar berbeza daripada kebiasaannya. Menurut pelajar, strategi yang selalu cikgu gunakan apabila mengajar bahasa ialah secara terus berdasarkan jadual yang ditetapkan. Misalnya, menurut mereka, apabila cikgu ingin mengajar karangan, cikgu akan memberi tajuk dan meminta pelajar mencari isi dan mengarang berdasarkan isi tersebut. Namun, pelajar menyatakan bahawa strategi yang guru gunakan kali ini agak berbeza. Menurut mereka, mereka tidak tahu apakah pelajaran yang akan diajar oleh guru pada hari itu. Namun, mereka tahu bahawa mereka boleh menulis ringkasan karangan (Modul 1) dan brosur

ringkas tentang keistimewaan kawasan yang menarik di tempat mereka (Modul 8).

Yang berikut antara pandangan pelajar terhadap strategi pengajaran ini:

- Penyelidik: Apa pandangan pelajar tentang strategi cikgu mengajar dalam Modul 8 tadi?*
- Pelajar P: Lain sikit...*
- Penyelidik: Apa yang lainnya?*
- Pelajar P: Cikgu ajar kita buat karangan. Tetapi tak macam selalu..*
- Penyelidik: Selalunya macam mana?*
- Pelajar Q: Selalunya cikgu bagi tajuk, kita bincang dan tulis. Kali ini, macam mana pulak?*
- Pelajar O: Buat brosur tentang kawasan pelancongan. Menarik juga...*

(TBKP3_KL_M8_17/8/2011)

Dapatan temu bual dengan guru juga mendapati bahawa guru tertarik dengan strategi yang digunakan dalam modul ini. Menurut mereka, strategi yang diaplikasikan dalam pengajaran modul ini dapat meningkatkan bukan sahaja kemahiran bahasa, tetapi juga pengetahuan am pelajar. Menurut Cikgu Nor Syazila, Modul 8 menarik dan benar-benar dapat mengukuhkan kebolehan bertutur pelajar. Menurut beliau, penggunaan majalah 'Libur' dan aktiviti main peranan yang dijalankan dalam modul ini dapat menarik minat pelajar dan melatih mereka menggunakan bahasa dalam konteks yang sebenar (sebagai pemandu pelancong) di samping memantapkan kemahiran bertutur pelajar. Antara komen Cikgu Nor Syazila ialah:

- Penyelidik: Apa pandangan cikgu tentang aktiviti pelajaran modul ini?*
- Cikgu 3: Menarik?*
- Penyelidik: Mengapa cikgu kata menarik?*
- Cikgu 3: Banyak bahan macam brosur dan majalah tentang pelancongan. Budak suka tengok majalah Libur tu.*
- Penyelidik: Cikgu jarang gunakan majalah dan brosur pelanconganke?*
- Cikgu 3: Jarang. Susah nak cari bahan.tapi bahan tu bagus. Boleh bantu pelajar cakap di depan.*

(TBG3_KL_M4_27/7/2011)

Dapatan kajian juga mendapati pelajar sangat tertarik dengan teknik pengajaran yang dijalankan dalam Modul 7. Menurut mereka, penggunaan teknik suara alam yang diketengah melalui modul ini sangat menarik dan tidak pernah digunakan guru Bahasa Melayu mereka sebelum ini. Menurut mereka lagi penggunaan teknik ini mengajar mereka pentingnya erti alam sekitar dan sangat sesuai diajarkan digunakan dalam kelas. Antara komen pelajar ialah:

“teknik ini sangat menarik. Kita dapat bezakan (antara) alam yang belum tercemar dengan yang (su)dah tercemar. Bunyi hutan tu ‘best’lah”.

(TBKP3_KL_M7_16/8/2011)

Mereka juga mencadangkan agar teknik suara alam ini selalu digunakan dalam pengajaran Bahasa Melayu pada waktu yang lain kerana bunyi-bunyi tersebut seperti bunyi lautan, air terjun, ombak dan desiran angin dapat menenangkan fikiran. Yang berikut ialah antara komen pelajar terhadap teknik tersebut:

Penyelidik: Apa pandangan pelajar tentang penggunaan bunyi dalam pengajaran hari itu?

Pelajar y: Menarik.

Penyelidik: Mengapa menarik?

Pelajar y: Seronok.. tenang.

Penyelidik: Sesuai tak kita gunakan bahan itu bagi mengajar isu pencemaran alam?

Pelajar X: Sesuailah...

Penyelidik: Apa yang sesuainya?

Pelajar X: Dapat bezakan antara yang dah tercemar dengan yang belum.

Penyelidik: Apa cadangan pelajar selepas ini?

Pelajar Y: Guru gunakan selalu teknik inilah.

(TBKP3_KL_M7_16/8/2011)

Kaedah pengajaran kemahiran bahasa.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar tertarik dengan kaedah yang diaplikasikan dalam modul ini. Menurut mereka kebiasannya guru hanya memberi penekanan kepada aktiviti menulis karangan, merumus karangan, surat kiriman, dan

menulis ayat berdasarkan perkataan yang diberi. Akan tetapi, menurut mereka, modul ini memberi penekanan yang pelbagai. Antara komen pelajar ialah:

Penyelidik: Setelah ikuti Modul 7, 8 dan 9, bagaimana cikgu mengajar kemahiran bahasa, khususnya kemahiran menulis?
Pelajar: Lain sikit. Dia tidak terus suruh kami menulis karangan. Dia minta kami baca bahan yang dia bawa. Lepas tu bincang dan baru minta kami tulis. Tulis tentang apa..tentang pelancongan. Kenalkan kawasan kita kepada orang lain..
Penyelidik: Macam pemandu pelancong ya?
pelajar: Ya.
Penyelidik: Seronok tak macam tu?
pelajar: Seronok. Macam betul-betul...

(TBKP3_KL_M8_17/8/2011)

Dapatan temu bual dengan pelajar juga mendapati aktiviti pelajaran yang diikuti dalam modul-modul ini, misalnya Modul 6 dapat membantu mereka berdialog secara spontan. Menurut mereka, pengajaran guru turut memberi penekanan kepada kemahiran bertutur selain kemahiran berbahasa yang lain. Kata mereka:

“saya lebih berani bertutur di hadapan rakan sekelas, malah aktiviti yang dijalankan tidak membosankan kerana ada gambar yang menunjukkan nilai-nilai murni yang patut diamalkan...”

(TBKP2_KL_M6_29/7/2011)

Kesimpulannya, modul turut memberi penekanan kepada aktiviti berbahasa seperti kemahiran bertutur dan aktiviti ini disukai oleh pelajar kerana dapat meningkatkan kemahiran bertutur mereka.

Kaedah pengajaran tatabahasa.

Dapatan kajian mendapati kaedah mengajar tatabahasa secara bersahaja sangat menarik. Dalam Modul 4 misalnya, guru menyatakan bahawa pengajaran kata sapaan sangat menarik dan boleh difahami. Menurut Cikgu Syarifah, penggunaan bahan yang lucu dan kaedah yang bersahaja dapat meningkatkan penguasaan bahasa pelajar; Katanya:

Penyelidik: Bagaimana dengan pelajaran kata sapaan hari itu cikgu?
Cikgu Syarifah: Pelajar seronok?
Penyelidik: Mengapa cikgu kata seronok?
Cikgu Syarifah: Bahan yang digunakan menarik, lucu tetapi ada isi.
Penyelidik: Apa maksud cikgu?
Cikgu Syarifah: Yalah, pelajar belajar kata sapaan tetapi seronok”.
 (TBG2_KL_M4_27/7/2011)

Dapatan temu bual pelajar juga mendapati BBM yang digunakan oleh guru sangat menarik dan membantu pengetahuan mereka terhadap penggunaan kata sapaan yang betul. Hafizuddin misalnya, menyatakan bahawa mereka tidak pernah belajar tatabahasa seperti itu. Katanya:

Penyelidik: Bagaimana dengan pengajaran kata sapaan hari tadi?
Hafizuddin: Seronok.
Penyelidik: Mengapa seronok?
Hafizuddin: Tak rasa macam belajar tatabahasa. Bahan yang digunakan menarik, lucu tetapi ada isi.
Penyelidik: Selalunya macam mana cikgu ajar tatabahasa?
Hafizuddin: “selalunya cikgu ajar tatabahasa secara terus. Kalau ajar kata sapaan, terus ajar sahaja. Tak ada guna dalam konteks.
 (TBKP2_KL_M4_27/7/2011)

Pengunaan bahan pengajaran dan pembelajaran.

Pelajar menyatakan bahawa bahan bantu mengajar yang digunakan dalam modul ini menarik dan mempunyai maklumat yang mencukupi. Penggunaan pelbagai bahan seperti teks dan bahan audio visual menarik minat mereka. Antara pandangan mereka ialah:

“Pelajaran hari ini seronok. Cikgu gunakan lagu dalam pelajaran”.
 (TBKP1_KL_M1_20/7/2011)

Tambahan pula, pelajar (Ros Amira) menyatakan bahawa BBM yang digunakan oleh guru sesuai dengan jiwa mereka yang suka menyanyi serta dapat menimbulkan perasaan empati terhadap bayi yang dibuang. Yang berikut adalah antara pandangan pelajar terhadap bahan bantu mengajar yang digunakan dalam Modul 1.

Penyelidik: Bagaimana dengan pelajaran hari ini? Seronok?
Ros Amira: Ya, seronok. kerana (cikgu) menggunakan video dan lirik yang menarik
Penyelidik: Apa seronoknya?
Ros Amira: Seronok sebab cikgu guna video dan lirik lagu yang menarik.
Penyelidik: Menarik?
Ros Amira: Ya. Sebab ada cerita kisah buang bayi. Kesian.

(TBKP1_KL_M1_20/7/2011)

Selain itu, BBM yang digunakan oleh guru ini juga dapat membantu pelajar membuat pertimbangan dan pendirian dalam isu yang dibincangkan di bilik darjah ini. Ros Amira, misalnya menyatakan bahawa beliau akan “cuba menghindari’ masalah buang ini setelah melihat kesan yang ditunjukkan dalam lagu tersebut (TBKP1_KL_M1_20/7/2011).

Temu bual guru dan pelajar juga menunjukkan bahawa guru dan pelajar tertarik dengan penggunaan pelbagai bahan pengajaran dan pembelajaran. Menurut mereka, hampir semua aktiviti pelajaran disokong oleh bahan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dan menarik dan tidak bergantung kepada buku kerja semata-mata. Antara komen cikgu Syarifah:

“Aktiviti dalam modul ini menarik. Banyak bahan digunakan. Ada petikan akhbar, lagu, power point, dan lembaran kerja. Semuanya boleh bantu pelajar faham apa yang diajar”.

(TBG2_KL_M4_27/7/2011)

Penggunaan bahan yang bersifat interaktif ini juga menarik minat Cikgu Syarifah. Menurut beliau, penggunaan bahan video pendek bertajuk ‘Rebut tempat letak kereta’ dalam induksi set Modul 5 benar-benar menarik minat pelajar untuk mengetahui sikap negatif masyarakat Malaysia. Menurut beliau:

“bahan ini amat baik kerana banyak membantu pelajar untuk menyelesaikan sesuatu tugas dengan baik. Bahan ini interaktif dan membuatkan pelajar lebih aktif”.

(TBG2_KL_M5_28/7/2011)

Dapatan temu bual pelajar juga mendapati bahan video yang digunakan oleh guru ini sangat menarik dan menyeronokkan, selain membantu pelajar memahami tajuk yang diajar, iaitu nilai-nilai murni yang semakin dilupakan oleh masyarakat Malaysia. Antara maklum balas pelajar terhadap bahan ini ialah:

“video dan teks yang digunakan banyak membantu kami belajar tentang nilai baik”.

(TBKP2_KL_M5_27/7/2011)

Teknik penilaian di bilik darjah.

Dapatan kajian mendapati pelajar dan guru tertarik dengan cara pengajaran dinilai. Menurut pelajar, guru tidak lagi menekankan penilaian karangan misalnya seperti biasa. Kata mereka, guru membantu mereka membuat rumusan berdasarkan teks yang dibaca, dan tidak menekankan berapa markah yang boleh diperolehi bagi setiap isi seperti yang dilakukan oleh guru. Mereka menyatakan bahawa mereka suka dengan cara ini. Antara komen pelajar ialah:

<i>Penyelidik:</i>	<i>Bagaimana cikgu menilai penulisan pelajari?</i>
<i>Syakila:</i>	<i>dia bincang jadual yang dia beri</i>
<i>Penyelidik:</i>	<i>Jadual tentang apa?</i>
<i>Syakila:</i>	<i>Jenayah ragut.</i>
<i>Penyelidik:</i>	<i>Lepas itu buat apa?</i>
<i>Syakila:</i>	<i>Buat ringkasan.</i>
<i>Penyelidik:</i>	<i>Apa yang dia tekan?</i>
<i>Syakila:</i>	<i>Cara cari isi.</i>
<i>Penyelidik:</i>	<i>Dulu?</i>
<i>Syakila:</i>	<i>Markahlah...</i>

(TBKP1_KL_M2_22/7/2011)

Kesimpulannya, cara penilaian ini diterima dengan baik oleh guru dan pelajar yang mengikuti modul ini.

Rumusan dan Implikasi Pengajaran

Berdasarkan penilaian dalam penilaian lapangan, modul-modul yang dibangun ini mempunyai kekuatan daripada isi kandungan, boleh dilaksanakan, dapat mencapai objektif pelajaran, dan mendapat komen yang positif daripada pelajar dan guru yang mengikuti modul ini. Menurut mereka, strategi pengajaran, kaedah pengajaran kemahiran bahasa, kaedah pengajaran tatabahasa, penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran, dan teknik penilaian yang dijalankan dalam modul ini semasa penilaian lapangan sangat menarik, berkesan dan berbeza dengan strategi pengajaran yang digunakan oleh guru sebelum ini.